




Timbunan tanah menutup jalan masuk ke rumah akibat banjir.



Mohd Zamari menunjukkan tanah di bawah rumahnya terhakis.



Subahan (kiri) dan Ariffin meninjau keadaan jambatan yang semakin terhakis akibat banjir.

[FOTO E-MEL/BH]

RM100,000 atasi banjir Batu 16

» **JPM beri peruntukan bina longkang, selenggara sungai**

Oleh Halina Mohd Noor
halina@bharian.com.my

► Rawang

Masalah banjir yang melanda Kampung Melayu Batu 16, Jalan Sepakat, di sini, akan diatasi dengan peruntukan RM100,000 oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri bagi membina longkang serta menyelenggara sungai di kawasan itu.

Peruntukan itu digunakan untuk membina longkang sepanjang 300 meter dan mengorek anak sungai yang tertimbus dengan batu sele-

pas dilanda banjir.

Kampung itu dilanda banjir lumpur dan batu sebanyak tiga kali, pada 3 dan 11 Disember lalu serta Januari lalu.

Lebuh raya jadi punca

Masalah itu dikatakan berpunca daripada projek pembinaan Lebuh Raya Pintas Rawang-Serendah khususnya akibat kerja yang dilakukan di atas bukit, yang terletak di bahagian belakang perkampungan itu sejak tahun lalu.

Perbincangan juga akan diadakan mengenai pampasan kepada penduduk yang mengalami kerugian akibat kejadian banjir pada 3 Disember lalu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Templer, Datuk Subahan Kamal (**gambar**), berkata kerja pembinaan longkang itu akan di-



lakukan dalam tempoh dua minggu selepas selepas perayaan Tahun Baru Cina.

Katanya, masalah itu tiada kesudahan jika pihak bertanggungjawab seperti syarikat membina lebuh raya, Panzana Enterprise Sdn Bhd (Panzana), Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Jabatan Kerja Raya (JKR) serta Jabatan Pengairan dan Saliran asyik saling menuding jari antara satu sama lain.

"MPS dilihat gagal menangani masalah ini khususnya sebagai 'orang tengah' untuk mengatur sebarang perbincangan dengan penduduk.

"Sebagai ADUN, saya akan pantau kerja mengatasi masalah banjir itu bagi memastikan penduduk tidak mengalami masalah, termasuk kerugian harta benda," katanya selepas berdialog dengan penduduk, wakil Panzana dan wa-

kil MPS, di sini.

Sementara itu, Pengurus Projek Panzana, Ahmad Ariffin Kasah, berkata pihaknya hanya akan bertanggungjawab ke atas penyelenggaraan sungai dan penduduk di kawasan berhampiran kawasan pembinaan lebuh raya.

Katanya, kerja pembersihan sungai membabitkan kawasan sepanjang kira-kira 300 meter iaitu hingga ke jambatan berkembar saja.

Selesai 8 bulan lagi

"Selepas jambatan itu, kami tidak bertanggungjawab jika berlaku banjir di bahagian bawah kampung. Pembesaran sungai bergantung kepada keputusan JPS," katanya sambil menambah masalah itu dapat ditangani sepenuhnya apa-

bila projek pembinaan lebuh raya selesai lapan bulan lagi.

Dalam pada itu, penduduk melahirkan rasa lega dengan usaha Subahan berdialog bersama Panzana dan MPS bagi mengatasi masalah banjir.

"Pampasan diberikan pun tidak memadai dengan kerugian yang kami alami. Jalan masuk ke rumah saya juga rosak teruk manakala longkang pula pecah"

Syaliza Shapiansuri, Penduduk

Syaliza Shapiansuri, 33, berkata penduduk sudah bosan dengan kejadian banjir yang bukan saja menyebabkan kerugian malah menjelaskan kehidupan seharian.

"Kami berharap Panzana menepati janji untuk memantau keadaan banjir di sini. Sudah tiga kali dilanda banjir tetapi Panzana hanya menghantar beberapa pekerja mereka untuk mengeluarkan batu yang menimbus sungai dengan menggunakan tangan saja," katanya.